



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA SERU KERJASAMA SERANTAU DALAM PEMBINAAN INFRASTRUKTUR JALAN RAYA TAHAN IKLIM

GOYANG, REPUBLIK KOREA - Malaysia hari ini menyeru kepada kerjasama serantau yang lebih kukuh dalam perkongsian teknologi, pembangunan kapasiti, dan penyelesaian mobiliti pintar antara negara anggota Road Engineering Association of Asia and Australasia (REAAA), sebagai sebahagian daripada usaha kolektif untuk memperkukuh infrastruktur tahan iklim di rantau ini.

Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi, yang mewakili Malaysia di Sidang REAAA ke-17 Tahun 2025 di Goyang, Republik Korea, berkata bahawa pembangunan infrastruktur jalan raya yang mampan dan berdaya tahan kini perlu dianggap sebagai tanggungjawab bersama di peringkat serantau.

“Kita berdepan cabaran yang sama — perubahan iklim, peningkatan kos, dan aset yang semakin usang. Melalui kerjasama dan perkongsian ilmu, kita mampu membina infrastruktur yang bukan sahaja menghubungkan negara, tetapi juga melindungi nyawa dan kehidupan rakyat,” katanya.

Dalam ucapan utama bertajuk “Paving the Future – Sustainable and Resilient Roads in a Climate-Challenged Era”, Dato Sri Alexander turut menggariskan strategi nasional Malaysia dalam memperkukuh aspek kemampanan, inovasi dan keterangkuman dalam sektor jalan raya — berpanduan kepada kerangka dasar seperti Dasar Pembinaan Negara (NCP) 2030, Pelan Peralihan Tenaga Nasional, dan Pelan Induk Teknologi Hijau.

Beliau menjelaskan bahawa penyelenggaraan jalan raya sebenarnya merupakan tumpuan utama di bawah NCP 2030, bertentangan dengan tanggapan umum selama ini.

Di bawah Teras Ke-4 – Memperkukuh Penyelenggaraan Infrastruktur, dasar ini menekankan keperluan untuk menambahbaik ekosistem penyelenggaraan negara — termasuk penyelenggaraan jalan raya sebagai komponen utama dalam memperkukuh daya tahan infrastruktur dan keupayaan adaptasi terhadap perubahan iklim.

Dato Sri Alexander berkata, Kementerian Kerja Raya (KKR) kini sedang menerajui inisiatif selama 10 tahun untuk mentransformasikan sektor penyelenggaraan kepada industri yang tersusun dan bernilai tinggi. Antara inisiatif utama termasuk Dasar Penyelenggaraan Infrastruktur dan Aset Negara, yang kini sedang dirangka dan dijangka dilancarkan pada tahun 2027.

Dasar ini bakal memperkenalkan satu rangka kerja menyeluruh bagi penyelenggaraan mampan dan tahan iklim — merangkumi langkah pencegahan, penggunaan bahan baharu, sistem saliran yang lebih baik, perlindungan cerun, serta pemantauan berasaskan teknologi bagi menangani kesan perubahan iklim terhadap jalan raya.

Beliau turut menambah bahawa KKR juga berhasrat menubuhkan Pusat Kecemerlangan Penyelenggaraan Infrastruktur bagi memperkukuh latihan, pensijilan dan piawaian penyelidikan dan pembangunan (R&D) sejajar dengan aspirasi tersebut.

“Secara ringkas, penyelenggaraan jalan raya adalah tonggak utama di bawah NCP 2030, dan KKR sedang giat membangunkan kerangka penyelenggaraan adaptif iklim bagi memastikan rangkaian jalan raya negara kekal selamat, boleh dipercayai dan lestari,” katanya.

Menyorot kejayaan Malaysia dalam inovasi berasaskan penglibatan rakyat, Dato Sri Alexander turut berkongsi kejayaan aplikasi mudah alih MYJalan, yang menjadi platform penting bagi rakyat untuk menyertai usaha penyelenggaraan jalan raya. Sejak dilancarkan pada Ogos 2023, aplikasi tersebut telah menerima lebih 42,600 aduan di seluruh negara, dengan 96.7% kes di bawah bidang kuasa kementerian berjaya diselesaikan.

Sidang REAAA 2025 yang bertemakan “Innovating Road Infrastructure for a Sustainable Future” menghimpunkan lebih 1,000 delegasi daripada 30 negara, termasuk menteri, pihak berkuasa jalan raya dan pakar industri. Program ini menjadi platform utama untuk bertukar idea mengenai inovasi, kemampanan dan transformasi digital rangkaian pengangkutan.

Dato Sri Alexander turut menegaskan komitmen Malaysia untuk terus menerajui usaha serantau ke arah pembangunan infrastruktur mampan.

“Matlamat kita jelas — untuk membina jalan yang bukan sahaja kukuh, tetapi juga pintar, selamat dan lestari. Dengan menggabungkan inovasi, pendigitalan dan penglibatan komuniti, Malaysia sedang merintis laluan menuju masa depan yang berdaya tahan,” katanya.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
28 OKTOBER 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja

U n i t K o m u n i k a s i K o r p o r a t | K e m e n t e r i a n K e r j a R a y a

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X d K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A M A L A Y S I A